

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN**

**TARIKH : 5.11.2015**

**SOALAN :**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pembinaan Hospital Pengajar UNISZA yang telah disempurnakan majlis pecah tanahnya oleh YAB. Perdana Menteri pada 18 September tahun lalu tetapi masih belum memulakan kerja-kerja pembinaannya sehingga awal tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diluluskan pelaksanaannya dengan kapasiti 400 buah katil. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 melibatkan pembinaan untuk kapasiti 200 buah katil termasuk kerja-kerja infrastruktur dengan kos sebanyak RM345 juta. Fasa 2 pula akan melibatkan pembinaan bagi kapasiti 200 buah katil lagi dengan kos sebanyak RM255 juta. Keseluruhan projek ini akan menelan belanja RM600 juta.

Penilaian tender bagi projek ini telah diselesaikan dan kini dalam peringkat untuk dimuktamadkan harga oleh Kementerian Kewangan. Kerja-kerja di tapak dijangka dapat dimulakan pada bulan Disember 2015.